

Ruj.Kami : Prk.ML.31/24 JU.2 (34)
Tarikh : 18 Mac 2013

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan/ Puan,

GUNASAMA KAKITANGAN SELAIN DARI BAHAGIAN PELESENAN & PENGURUSAN SUMBER BAGI MEMBANTU PENGEMASKINIAN DATA DAN PERMOHONAN MELALUI SISTEM E- LESEN.

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa bahagian telah menetapkan dua (2) KPI utama berkaitan sistem e-Lesen seperti yang telah dipersetujui semasa Bengkel Penyediaan KPI Bahagian Pelesenan & Pengurusan Sumber bersama semua Ketua Unit Pelesenan seluruh Negara pada 19 hingga 21 Disember 2012 yang lalu. Kedua-dua KPI tersebut adalah :

- i. Pengemaskinian keaktifan lesen vesel sekurang-kurangnya 80% setiap bulan
- ii. Memproses semua permohonan aktiviti pelesenan termasuk rayuan permohonan sekurang-kurangnya 15,000 permohonan.

3. Sehubungan dengan itu, bagi melancarkan serta mempercepatkan lagi memproses permohonan melalui e-Lesen, semua PPN di sarankan untuk mencontohi konsep Blue Ocean Strategy (BOS) seperti yang telah di amalkan oleh PPN Perak ketika ini. Melalui kerjasama daripada kakitangan unit lain telah banyak membantu meringankan beban tugas kakitangan di bahagian pelesenan. Terdapat tiga (3) perkara utama yang boleh di buat oleh kakitangan unit lain dalam membantu pelaksanaan e-Lesen iaitu :

- i. Memasukkan maklumat profil vesel baru terutamanya profil lesen sampan khas yang telah diluluskan
- ii. Membantu kumpulan sasar membuat pendaftaran ID di dalam sistem
- iii. Memasukkan data LOV ke dalam sistem bagi setiap vesel berkaitan

4. Bahagian juga akan sentiasa memantau dan menyediakan laporan prestasi bagi kedua-dua KPI di atas setiap bulan dalam memastikan komitmen dan kesungguhan semua PPN untuk melaksanakan semua permohonan aktiviti pelesenan secara atas talian sepenuhnya. PPN juga di pohon untuk tidak lagi memproses sebarang

PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI

permohonan secara manual untuk di hantar ke Ibu Pejabat kerana sistem e-Lesen sentiasa di tambah baik dari semasa ke semasa berdasarkan maklumbalas dan cadangan daripada *user* di peringkat negeri dan daerah dalam mempermudah urusan permohonan secara online.

5. Bersama-sama ini dipanjangkan surat berkaitan kerjasama BOS oleh PPN Perak sebagai panduan untuk semua PPN yang lain. Laporan pencapaian status terkini pencapaian dua (2) KPI bahagian juga di lampirkan untuk di ambil tindakan terutamanya oleh PPN yang belum mencapai piawaian yang di tetapkan.

6. Segala kerjasama dan perhatian sewajarnya daripada tuan/puan berkaitan perkara ini amatlah di hargai dalam memajukan lagi industri perikanan Negara.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,


(HJ JOHARI BIN RAMLI)

Pengarah,
Bahagian Pelesenan dan Pengurusan Sumber
b.p. Ketua Pengarah Perikanan
Ibu Pejabat Perikanan Putrajaya

zbyz/eleasan/BOS/KPI

s.k Y.H. Dato' Ketua Pengarah Perikanan Malaysia

Y. Brs. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pembangunan)

Y. Brs. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Operasi)

Pengarah Bahagian Pengurusan Maklumat Perikanan

Pengarah Bahagian Perancang & Pembangunan

Pengarah Bahagian Perlindungan Sumber

Semua Ketua Cawangan
Bahagian Pelesenan dan Pengurusan Sumber



Semua Pegawai dan Penolong Pegawai Perikanan
Bahagian Pelesenan dan Pengurusan Sumber

PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI.

SENARAI EDARAN

Pengarah Perikanan Negeri Perlis

Pengarah Perikanan Negeri Kedah

Pengarah Perikanan Negeri Pulau Pinang

Pengarah Perikanan Negeri Perak

Pengarah Perikanan Negeri Selangor

Pengarah Perikanan Negeri Negeri Sembilan

Pengarah Perikanan Negeri Melaka

Pengarah Perikanan Negeri Kelantan

Pengarah Perikanan Negeri Terengganu

Pengarah Perikanan Negeri Pahang

Pengarah Perikanan Negeri Johor

Pengarah Perikanan Negeri Sarawak

Pengarah Perikanan W.P Labuan


LAMPIRAN

STATUS PENCAPAIAN KPI BAHAGIAN PELESENAN & PENGURUSAN SUMBER

Kpi 1 : Pengemaskinian keaktifan lesen vesel di dalam e-lesen sebanyak 80%

STATISTIK LESEN SAH DAN DIKEMASKINI SEHINGGA 7-3-2013


Negeri	Perangkaan Vesel 2011	eLesen	
		7-3-2013	(%) Kemaskini
NEGERI SEMBILAN	364	348	96
PERLIS	1,067	1,050	98
PERAK	5,550	5,114	92
PULAU PINANG	2,887	2,509	87
SARAWAK	5,989	5,822	97
MELAKA	1,106	875	79
TERENGGANU	3,078	2919	95
KELANTAN	2,058	1,181	57
JOHOR	5,679	3246	57
SELANGOR	3,877	3,752	97
PAHANG	1,985	1,733	87
KEDAH	3,823	3391	89
W.P LABUAN	322	274	85
Jumlah		37,785	32,214
% pengemaskinian eLesen		85.26%	



Prk.Pk.014/5/1 Jld 8(9)

21 Rabiul Akhir 1434

4 Mac 2013



SERPENTI SENARAI EDARAN

Tuan,

PERMOHONAN KERJASAMA KAKITANGAN SELAIN BAHAGIAN PELESENAN DAERAH UNTUK BANTU PROSES PERMOHONAN DALAM SISTEM e-LESEN

Dengan segala hormatnya perkara di atas dan surat terdahulu Prk.Pk.014/5/1 Jld 7(45) bertarikh 4 Jun 2012 yang lepas adalah dirujuk dan berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan surat dengan rujukan seperti dinyatakan di atas telah dikeluarkan bagi tujuan gunasama kakitangan semua bahagian untuk membantu proses permohonan pelesenan khususnya dalam sistem e-Lesen. Perakara ini telah dipersetujui oleh semua Ketua Cawangan di PPN Perak untuk mengaplikasikan konsep Blue Ocean Strategy (BOS) semasa Mesyuarat Pengurusan Jabatan Perikanan Negeri Perak yang diadakan pada 31 Mei 2012 tahun lalu .

3. Sehubungan itu, pada 21 Febuari 2013 yang lalu satu bengkel e-Lesen telah diadakan khusus bagi kakitangan selain dari Bahagian Petesenan bagi tujuan memberi tunjuk ajar bagaimana untuk menggunakan sistem e-Lesen. Terdapat tiga modul yang diajar oleh En Zahir daripada Bahagian Pelesenan Ibu Pejabat Perikanan Putrajaya iaitu yang pertama mendaftar sebagai pemohon baru bagi pihak nelayan khususnya untuk permohonan kad pendaftaran nelayan dan juga permohonan lesen sampan baru. Yang kedua ialah mempelajari bagaimana untuk memasukkan data LOV dalam sistem khususnya untuk vesel laut dalam bagi tujuan pembaharuan lesen. Yang ketiga ialah mempelajari bagaimana mengemaskini profail vesel setelah sesuatu permohonan selesai diproses dalam sistem e-Lesen. Kehadiran dan komitmen daripada semua daerah amat baik dan semua kakitangan yang hadir semasa bengkel tersebut telah diberikan ID dan password untuk terus dapat melaksanakan modul yang diajar dalam sistem e-Lesen.

*ICC lesen
 file edarkan
 surat in bogel
 semua PPN
 - BOS' sah
 e-lesen.
 Masih.
 8/3/2013*

*pp Zahir
 Spt mana
 arahan
 8/3/13*

4. Bagi memudahkan pelaksanaan di peringkat daerah, diminta kerjasama semua KDP untuk menyediakan jadual tugas bersesuaian untuk melaksanakan perkara ini mengikut modul yang telah diajar dan menghantar sesalinan jadual ke PPN Perak sebelum 10hb pada setiap bulan. Bahagian Pelesenan PPN Perak mengucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama baik yang diberikan oleh semua Ketua Cawangan dan semua Ketua Daerah Perikanan dalam merealisasikan konsep Blue Ocean Strategy (BOS) ini. Sekiranya terdapat sebarang masalah semasa pelaksanaan diminta dapat memaklumkan segera ke Bahagian Pelesenan di PPN Perak supaya dapat diselesaikan secara bersama. Kerjasama semua pihak terlibat amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menaruh perintah,

(HJ SANJIB MOHD ISA, P.M.P)

Pengarah Perikanan Negeri
Perak Darul Ridzuan

s.k :

Ketua Pengarah Perikanan
Ibu Pejabat Perikanan
§2628, PUTRAJAYA

Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Operasi)
Ibu Pejabat Perikanan
§2628, PUTRAJAYA

Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pembangunan)
Ibu Pejabat Perikanan
§2628, PUTRAJAYA

Pengarah
Bahagian Pelesenan & Pengurusan Sumber
Ibu Pejabat Perikanan
§2628, PUTRAJAYA

"Perikanan Produktif Menjana Transformasi"

